



Artikel AMBD

MEMANDU TANPA PERLINDUNGAN INSURANS KENDERAAN – ANCAMAN KEPADA KESELAMATAN ORANG AWAM

“Memandu tanpa perlindungan insurans kenderaan merupakan satu risiko bagi nyawa pemandu dan harta benda serta nyawa pengguna jalan raya yang lain”.

Setiap tahun terdapat kenderaan di Negara Brunei Darussalam yang tidak mempunyai sekurang-kurangnya perlindungan insurans kenderaan pihak ketiga. Perkara ini adalah salah dan mendatangkan risiko kepada pemandu lain dan juga orang awam jika terjadinya kemalangan.

Pemandu yang didapati memandu tanpa perlindungan insurans kenderaan bermotor akan dikenakan penalti sehingga BND10,000 dan penjara sehingga 12 bulan jika sabit kesalahan.

Selain itu, ianya juga akan mengakibatkan kesan yang mendalam dan berkekalan ke atas semua pihak yang terlibat terutamanya jika kemalangan tersebut mengakibatkan kecederaan parah atau kematian.

Oleh itu, mengapa mengambil tindakan yang bahaya ini jika bayaran premium tahunan bagi insurans mandatori kenderaan pihak ketiga hanya berjumlah BND 200 atau ke bawah bagi kebanyakan jenis kereta?

Adakah awda memandu tanpa perlindungan insurans kenderaan?

Jika ya, AWDA adalah ancaman kepada keselamatan orang awam di negara ini!

Perlindungan insurans kenderaan

Insurans kenderaan memberikan perlindungan bagi kerosakan kenderaan, perlindungan bagi kematian, perlindungan bagi kecederaan pihak ketiga serta perlindungan bagi kerosakan ke atas harta benda pihak ketiga jika awda terlibat dengan kemalangan. Perlindungan tersebut juga tertakluk kepada jenis polisi insurans kenderaan yang awda beli. Untuk makluman awda, perlindungan insurans kenderaan pihak ketiga adalah mandatori ke atas semua kenderaan bermotor yang dipandu di negara ini di bawah Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Risiko Pihak Ketiga), Penggal 90.

Syarikat-syarikat insurans am dan pengendali-pengendali takaful am menawarkan dua jenis perlindungan insurans kenderaan seperti berikut:

	(1) Perlindungan pihak ketiga	(2) Perlindungan komprehensif
Perlindungan Asas: <i>Nota:</i> <i>Sila ambil maklum mengenai had yang dinyatakan di dalam polisi insurans/takaful awda.</i>	<p>Perlindungan bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga – pembayaran kepada pemandu dan penumpang jika berlakunya kemalangan; dan b) Kerosakan harta benda pihak ketiga – pembayaran untuk pembaikan kenderaan pihak ketiga, bangunan, pagar, atau harta benda yang telah rosak akibat kemalangan. 	<p>Perlindungan bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Kecederaan tubuh badan dan kematian pihak ketiga; b) Kerosakan harta benda pihak ketiga; dan c) Kerugian / kerosakan kenderaan awda jika disebabkan oleh kebakaran, kecurian, pelanggaran, kemalangan atau semasa dalam <i>transit</i> kecuali laluan laut.

Jika awda mempunyai lebih dari sebuah kenderaan, setiap kenderaan tersebut hendaklah dilindungi sekurang-kurangnya dengan insurans kenderaan pihak ketiga sebelum ianya dipandu di negara ini.

Memandu tanpa perlindungan insurans kenderaan

Adalah menjadi kesalahan undang-undang di negara ini bagi kenderaan yang berada di atas jalan raya tanpa perlindungan insurans mandatori kenderaan pihak ketiga yang diperlukan di bawah Akta Insurans Kenderaan Bermotor (Risiko Pihak Ketiga), Penggal 90. Oleh itu, memandu tanpa mempunyai perlindungan insurans kenderaan adalah satu kesalahan di bawah bab 3(2), dan sekiranya pemandu di sambut kesalahan:

- denda sehingga BND10,000;
- penjara sehingga 12 bulan; dan
- kemungkinan bagi lesen memandu digantung di bawah Akta Lalulintas Jalanraya (Penggal 68), bagi tempoh 12 bulan dari tarikh sabit kesalahan melainkan Mahkamah mendapati alasan kukuh dan kuat untuk tidak mensabitkannya.

Kos kemalangan bagi kenderaan yang tidak dilindungi

Kenderaan yang tidak dilindungi insurans dan berada di jalanraya di negara ini adalah merupakan satu ancaman besar kepada keselamatan pengguna jalanraya.

Awda akan berdepan dengan risiko yang tinggi dan liabiliti jika awda terlibat dengan kemalangan dan jika memandu tanpa mempunyai perlindungan insurans kenderaan. Jika kemalangan tersebut mengakibatkan kecederaan atau kerosakan harta benda pemandu yang dilanggar, awda turut bertanggungjawab untuk menanggung kos tersebut, dan pemandu yang dilanggar boleh menyaman awda untuk pembayaran sebarang kerosakan. Tanpa perlindungan insurans, awda boleh berhadapan dengan tindakan undang-undang yang menyebabkan awda menanggung sendiri sebarang kos pembayaran sepanjang hayat awda.

Oleh itu, lindungilah diri awda serta pemandu-pemandu kenderaan yang lain dengan sekurang-kurangnya mendapatkan insurans atau takaful kenderaan pihak ketiga.

Bagi senarai nama syarikat-syarikat insurans, pembekal-pembekal takaful serta agen-agen yang dilesenkan oleh AMBD boleh didapati melalui AMBD App, yang boleh dimuat turun secara percuma melalui ‘App Store’ bagi pengguna iPhone dan ‘Google Playstore’ bagi pengguna Android; atau dengan melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Pastikan awda mempunyai sekurang-kurangnya perlindungan insurans kenderaan pihak ketiga SEBELUM AWDA MEMANDU!

Autoriti Monetari Brunei Darussalam